

MYOFLEX TABLET

Orphenadrine/Paracetamol (35mg /450mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Myoflex*
2. Bagaimana *Myoflex* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Myoflex*
4. Cara menggunakan *Myoflex*
5. Semasa menggunakan *Myoflex*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Myoflex*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Myoflex*

Ia digunakan untuk melegakan kekejangan otot, dengan kesakitan jangka pendek otot dan tulang

Bagaimana *Myoflex* berfungsi

Orphenadrine citrate mengurangkan kekejangan otot. Ia mempunyai aktiviti mengurangkan sakit dan merehatkan otot. Paracetamol mengurangkan sakit dan demam.

Sebelum menggunakan *Myoflex*

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil *Myoflex* jika terdapat alahan kepada orphenadrine, paracetamol atau bahan tidak aktif dalam *Myoflex*.
 - Jangan mengambil *Myoflex* jika anda mengalami *achalasia* (gangguan menelan), halangan leher pundi kencing, glaucoma (tekanan tinggi mata), *myasthenia gravis* (gangguan imun), pembesaran kelenjar prostat atau halangan perut-usus.
- Amaran arahan: Paracetamol mungkin menyebabkan tindak balas kulit serius. Gejalan-gejala termasuk kulit merah, lepuh atau ruam, di mana keadaan boleh menjadi serius. Jika berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan segera.

- Sebelum menggunakan *Myoflex*

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada masalah jantung, denyutan jantung tak teratur atau cepat, depresi, masalah hati atau buah pinggang dan retensi air kencing.

Mengandung dan menyusukan anak

Keselamatan penggunaan pada wanita hamil dan ibu yang menyusukan anak belum dipastikan lagi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil:
- ubat yang digunakan untuk rawatan depresi
 - antimuscarinics (atropin untuk cirit-birit)
 - ubat yang mempunyai kesan pada hati

Cara menggunakan *Myoflex*

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: oral, 1 – 2 tablets tiga kali sehari. Dos kanak-kanak belum dipastikan lagi. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda

dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos ialah cirit-birit, hilang selera makan, bengkak, loya, muntah, kejang perut, masalah hati, buah pinggang, koma, asidosis metabolic (ketidak seimbangan kimia dalam darah), masalah jantung dan denyutan jantung tak teratur.

Semasa menggunakan *Myoflex*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Myoflex*. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Persediaan ini mengandungi paracetamol. Jangan ambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama. Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Myoflex* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Awas semasa memandu atau membuat kerja teliti kerana risiko mengantuk.

Kesan-kesan sampingan

Myoflex menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Penglihatan kabur, mulut kering, loya, muntah, vertigo, ruam kulit, sakit kepala, pening, mengantuk, sembelit, tekanan tinggi mata, kekeliruan, teruja, susah kencing dan sakit perut dan usus mungkin berlaku. Tindak balas hipersensitiviti kulit termasuk ruam, bengkak di bawah lapisan kulit, reaksi kulit serius seperti sindrom *Stevens Johnson/Toxic Epidermal Necrolysis* dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Myoflex*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bujur warna biru, dwicembung dan berskor atas.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: orphenadrine citrate dan paracetamol.
- Bahan tidak aktif: cornstarch, indigo carmine lake, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate, microcrystalline cellulose

- Nombor MAL

MAL19930136AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini

09/11/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)071117/00306